



## LAPORAN KEPUTUSAN KES

### MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU

PERBICARAAN JENAYAH NO : JA-45A-7-03/2021, JA-45A-11-03/2021,  
JA-45A-9-03/2021, JA-45A-10-03/2021

### PP v ABD AZIZ BIN YAHYA DAN RAMIZAH BINTI RAHMAT

KORUM	Pesuruhjaya Kehakiman : Yang Arif Puan Suriyati Hasimah binti Mohd Hashim
PENDAKWA RAYA	NAMA : Pendakwa Raya , EMEL : Tidak Berkaitan , NO. TEL : Tidak Berkaitan , NAMA PEGUAM/TPR : TPR Chan Lee Lee , NAMA FIRMA : Pendakwa Raya , NO. TEL FIRMA : 013-3339158 , ALAMAT FIRMA : Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhamamid,NUSA JAYA ,79100,JOHOR,MALAYSIA.
TERTUDUH	NAMA : Abd Aziz bin Yahya , EMEL : Tiada , NO. TEL : Tiada , NAMA PEGUAM/TPR : Encik Shaik Saleem , NAMA FIRMA : Tetuan Shaik Adam & Co , NO. TEL FIRMA : 019-7707270 , ALAMAT FIRMA : No-20-01, Jalan Cenderasari 3, Taman Perbadanan Islam Larkin,JOHOR BAHRU ,81200,JOHOR,MALAYSIA.
TERTUDUH	NAMA : Ramizah Binti Rahmat , EMEL : Tiada , NO. TEL : Tiada , NAMA PEGUAM/TPR : Encik Shaik Saleem , NAMA FIRMA : Tetuan Shaik Adam & Co , NO. TEL FIRMA : 019-7707270 , ALAMAT FIRMA : No.20-01, Jalan Cenderasari 3, Taman Perbadanan Islam Larkin,JOHOR BAHRU ,81200,JOHOR,MALAYSIA.
PERTUDUHAN	NAMA OKT : Abd Aziz Bin Yahya, NO KES : JA-45A-7-03/2021, AKTA : 234/AKTA DADAH BERBAHAYA 1952, SEKSYEN : Seksyen 12(2)/(3) ADB 1952, PERTUDUHAN :  <i>"Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat bersih 4.10 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama."</i>
PERTUDUHAN	NAMA OKT : Abd Aziz bin Yahya, NO KES : JA-45A-11-03/2021, AKTA : 234/AKTA DADAH BERBAHAYA 1952, SEKSYEN : Seksyen 12(2)/(3) ADB 1952, PERTUDUHAN :  <i>"Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat bersih 2.58 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama."</i>
PERTUDUHAN	NAMA OKT : Abd Aziz bin Yahya dan Ramizah binti Rahmat, NO KES : JA-45A-9-03/2021, AKTA : 234/AKTA DADAH BERBAHAYA 1952, SEKSYEN : Seksyen 12(2)/39A(1) ADB 1952, PERTUDUHAN :  <i>Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati memiliki dadah berbahaya jenis Monoacetyl/morphines seberat bersih 4.75 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan</i>



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA  
(ATTORNEY GENERALS CHAMBERS , MALAYSIA)  
NO. 45 , PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

PERTUDUHAN	<p>NAMA OKT : Abd Aziz bin Yahya dan Ramizah binti Rahmat, NO KES : JA-45A-10-03/2021, AKTA : 234/AKTA DADAH BERBAHAYA 1952, SEKSYEN : Seksyen 39B(1)(a) ADB 1952 dan Seksyen 12(2)/39A(1) ADB 1952, PERTUDUHAN :</p> <p>Pertuduhan Pertama</p> <p><i>"Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati mengedara dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat bersih 415.06 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan</i></p> <p>Pertuduhan Kedua</p> <p><i>"Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati mengedara dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat bersih 92.90 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.</i></p> <p>Pertuduhan Ketiga</p> <p><i>"Bahawa kamu pada 24/04/2020 jam lebih kurang 4.55 pagi di No. 363-B, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi di dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati memiliki dadah berbahaya jenis Heroin seberat bersih 3.23 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.</i></p>
KEPUTUSAN	



1. Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua didapati bersalah dan disabitkan di akhir kes pembelaan.

2. Bagi kes no. JA-45A-10-03/2021.

- a. Pertuduhan Pertama – Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Oleh itu, Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dijatuhan hukuman penjara seumur hidup dari tarikh sabitan dan dua belas (12) kali sebatan;
- b. Pertuduhan Kedua – Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Oleh itu, Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dijatuhan hukuman penjara seumur hidup dari tarikh sabitan dan dua belas (12) kali sebatan;
- c. Pertuduhan Ketiga – Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A (1) Akta yang sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Oleh itu, Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dijatuhan hukuman tiga (3) tahun penjara dari tarikh sabitan dan tiga (3) kali sebatan;
- d. Dengan merujuk kepada peruntukan Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), hukuman sebatan terhadap wanita (Tertuduh Kedua) dan lelaki yang berumur 50 tahun ke atas (Tertuduh Pertama) adalah **dikecualikan**;

3. Bagi kes no. JA-45A-7-03/2021.

- a. Tertuduh Pertama disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) Akta yang sama. Oleh itu, Tertuduh Pertama dijatuhan hukuman empat (4) tahun penjara dari tarikh sabitan;

4. Bagi kes no. JA-45A-9-03/2021.

- a. Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A (1) Akta yang sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Oleh itu Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dijatuhan hukuman lima (5) tahun penjara dari tarikh sabitan dan lima (5) kali sebatan;
- b. Dengan merujuk kepada peruntukan Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), hukuman sebatan terhadap wanita (Tertuduh Kedua) dan lelaki yang berumur 50 tahun ke atas (Tertuduh Pertama) adalah **dikecualikan**;

5. Bagi kes no. JA-45A-11-03/2021.

- a. Tertuduh Pertama disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan Tertuduh Pertama dijatuhan hukuman tiga (3) tahun penjara dari tarikh sabitan;

6. Hukuman penjara bagi semua pertuduhan terhadap Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua adalah berjalan serentak dari tarikh sabitan 12.12.2024;

TARIKH KEPUTUSAN	12/12/2024
TARIKH FAIL RAYUAN	26/12/2024
TARIKH DIHANTAR KEPADA ANT	13/12/2024
<b>ALASAN PENGHAKIMAN</b>	
Tiada	
<b>LATAR BELAKANG DAN FAKTA KES</b>	



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA  
(ATTORNEY GENERALS CHAMBERS, MALAYSIA)  
NO. 45, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

1. Pada 24/4/2020, jam lebih kurang 0200 pagi, Insp Mohd Fikri (SP4/Pengadu) telah terima satu maklumat tentang pengedaran dadah dan taklimat telah diberikan oleh beliau di Pejabat Siasatan Jenayah Narkotik IPD kota Tinggi berkaitan dengan serbuan yang akan dijalankan di rumah tertuduh-tertuduh.
2. Pada jam 0400 pagi, SP4 bersama-sama Insp Mohd Nasiruddin (SP6/Pegawai Serbuan) dan sepasukan (11) orang anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Kota Tinggi telah membuat serbuan ke sebuah rumah di alamat No.363-B, Felda Bukit Aping Timur 81900 Kota Tinggi, Johor.
3. SP4 menyatakan bahawa sebelum serbuan dijalankan, beliau dan pasukan serbuan ada menjalankan pemerhatian dalam jarak 50 meter serta dalam anggaran 10-15 minit dan sepanjang pemerhatian dijalankan, beliau lihat tiada sebarang pergerakan keluar masuk di rumah tersebut. Sebanyak 3 buah kenderaan polis yang tidak berlambang telah pergi ke rumah tempat kejadian.
4. Seterusnya semasa sampai di hadapan rumah tersebut, SP4 dapat pintu sliding hadapan rumah bertutup tetapi tidak berkunci. SP4 kemudiannya telah menolak pintu sliding tersebut dan masuk ke dalam rumah dan telah tahan (3) lelaki Melayu yang sedang duduk di atas sofa di ruang tengah rumah tersebut dan butir-butir mereka adalah seperti berikut [eksibit P21, gambar 1-39]:- Penama 1 : Abd Aziz bin Yahya (No K/P: 720429-01-5113) Penama 2 : Mohd Shahrizan bin Saradi (No K/P: 830519-01-6563) Penama 3 : Hafizal bin Tukiat (No K/P: 730117-01-5455)
5. Ketika serbuan dijalankan, SP4 mendapati ketiga-tiga lelaki Melayu itu sedang berkumpul dan menghisap sesuatu [eksibit P21, gambar 16 gambar sofa dan gambar 27 menunjukkan meja dimana dadah berisi Syabu ab: 6 gram dijumpai].
6. Hasil pemeriksaan SP4 dan pasukan serbuan di rumah tempat kejadian, SP4 mendapati rumah tersebut mempunyai 5 buah bilik dan merupakan rumah jenis sebuah, tanah lot yang berada dalam kawasan Felda. Pemeriksaan di setiap bilik dirumah tersebut, SP4 telah menahan penama-penama berikut:-

a) bilik pertama sebelah kanan (4 penama ditahan)

Penama 4: Norfaezah binti Abdullah (020804-01-1230)

Penama 5: Nurul Farah Syafiqah binti Abd Aziz(970609-01-5024)

Penama 6: Nurul Farisyah Amanda binti Abd Aziz (164425-01- 1262)

Penama 7: Nurul Fasya Arriyana binti Mohd Rafiq Ikhram (lisan)

b) bilik kedua sebelah kanan (2 penama ditahan)

Penama 8: Abdul Syafiq Ridwan bin Abd Aziz (020118-01-1767)

Penama 9: Abdul Hazeem Shafiee bin Abd Aziz (081005-01- 0193)

c) bilik pertama sebelah kiri (1 penama ditahan)

Penama 10: Mohamad Ikhwan bin Mohd Said (010124-01-0243)

d) bilik kedua sebelah kiri (2 penama ditahan)

Penama 11: Nurul Fara Syuhana binti Abd Aziz (071271-01- 0372)

Penama 12: Afeefa Amani binti Abdul Rahim (lisan)

e) bilik bahagian belakang rumah (1 penama ditahan)

Penama 13: Ramizah binti Rahmat (910912-01-5014)

7. Setelah pemeriksaan pada kesemua bilik dijalankan dan keadaan semua penama berjaya dikawal, SP4 telah mengumpulkan kesemua penama yang ditahan di ruang tengah rumah tersebut dan SP4 telah memperkenalkan diri sebagai pegawai kanan polis dengan menunjukkan kad kuasa PDRM. Selanjutnya hasil pemeriksaan SP4 dengan disaksikan penama 1 hingga penama 3 dan



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA  
(ATTORNEY GENERALS CHAMBERS, MALAYSIA)  
NO. 45, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

SP6, SP4 telah menjumpai:-

a.(1) beg berzip warna hitam bertulis Sony [eksibit P28A] di atas meja di ruang tengah rumah tersebut. Hasil pemeriksaan lanjut beliau turut menjumpai terdapat (1) paket plastik lutsinar yang berisi bahan disyaki Syabu (ab: 6 gram) [eksibit P28A(1)]. [eksibit P21, gambar 27 dirujuk]

8. Dengan disaksikan oleh penama 1 hingga 13, SP6 bersama-sama SP4 selanjutnya telah buat pemeriksaan di dalam bilik di bahagian belakang rumah dan telah menjumpai:-

a) bekas botol plastik bertutup warna biru bertulis 'Johnson'. Hasil pemeriksaan lanjut dalam botol itu, SP4 menjumpai ketulan-ketulan disyaki dadah jenis Heroin (ab: 192 gram). [eksibit P25A dan P30]

b) (1) bekas botol plastik bertutup warna merah di atas lantai di bawah sinki di hadapan tandas di dalam bilik di bahagian belakang rumah tersebut. Hasil pemeriksaan lanjut dalam botol tutup merah itu, SP4 menjumpai (1) plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis Syabu (ab: 136 gram). [eksibit P31 dan P32]. Botol-botol yang dijumpai di atas lantai tersebut dalam keadaan bertutup rapat. [eksibit P21,gambar 32 dan 34 dirujuk]

c) (1) beg berzip bercorak warna hitam/orang di atas meja solek di dalam bilik tersebut [eksibit P34A]. Di dalamnya mengandungi (35) paket plastik lutsinar setiap satu paket plastik mengandungi (5) biji pil warna kemerahan disyaki Pil Yaba [eksibit P34A(1)(1-35) (ab: 21 gram/175 biji). [eksibit P21, gambar 31 dirujuk]

9.Selanjutnya, dengan bantuan anggota pemegang anjing (K9) yang terdiri daripada (3) orang anggota serta anjing K9 bernama 'Silver', SP6 telah mengarahkan SP1 bersama anjing K9 Silver untuk membuat pemeriksaan diluar dan didalam rumah tersebut. Semasa di dalam rumah, K9 Silver telah jalankan pemeriksaan bermula dari ruang tamu rumah hingga ke bilik bahagian belakang rumah. Pada ketika ini, SP4, SP6 dan anggota serbuan lain berada di ruang tengah rumah sedang membuat kawalan.

10.SP4 kemudian telah dimaklumkan oleh anggota K9 bahawa anjing K9 Silver telah menjumpai (1) paket teh cina warna hijau bertulis "Refined Chinese Tea" berisi bahan disyaki dadah jenis Syabu (ab: 611 gram) [eksibit P24A] yang disembunyikan di bawah mozek di pintu belakang bilik tersebut. SP4 telah merampas (1) paket teh cina tersebut dan ianya berada dalam kawalan SP4. [eksibit P21, gambar 37, 38 dan 39 dirujuk].

11.K9 Silver kemudian meneruskan pemeriksaan lanjut di setiap bilik bilik lain di dalam rumah dan tidak menjumpai apa-apa barang salah. Pemeriksaan tubuh badan yang dijalankan terhadap semua penama juga tidak menjumpai apa-apa barang salah.

12.SP4 telah menangkap kesemua penama dan merampas barang kes. Sesalinan borang geledah [eksibit P9] yang telah ditanda tangani diserahkan kepada penama 1, 2, 3 dan 13 dan tangkapan telah dibawa balik ke pejabat narkotik IPD Kota Tinggi untuk tindakan lanjut. Timbangan dan tandaan barang kes telah dibuat di pejabat dan barang kes sentiada berada dalam kawalan SP4.

13.Pada 24/4/2020, jam lebih kurang 1540 petang, SP4 telah menyerahkan semua tangkapan dan rampasan barang kes kepada pegawai penyiasat (SP7) dan ianya berada dalam keadaan baik dan terkawal. Sebagai bukti penyerahan, SP4 telah serahkan borang serah menyerah (eksibit P10) antara beliau dan SP7 dan telah diakui penerimaannya.

14.SP7 telah menghantar semua barang yang dirampas ke Jabatan Kimia Malaysia, Johor untuk dianalisa. Hasil analisa dari Jabatan Kimia Malaysia melalui Laporan Kimia [eksibit P11] yang disediakan oleh SP3 mengesahkan barang kes yang dirampas adalah dadah berbahaya seperti berikut:-

- a) Methamphetamine berat bersih 4.10 gram
- b) Heroin berat bersih 3.23 gram
- c) Mononacetylmorphines berat bersih 4.75 gram
- d) Methamphetamine berat bersih 92.90 gram
- e) Methamphetamine berat bersih 2.58 gram
- f) Methamphetamine berat bersih 415.06 gram

**ISU YANG DIBANGKITKAN DAN HUJAHAN PIHAK-PIHAK**

Seperti mana dalam hujahan

**CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA NEGERI/AGENSI**



Tiada cadangan rayuan kerana Tertuduh-tertuduh telah disabitkan ke atas semua pertuduhan

Nama : CHAN LEE LEE  
Jawatan : TIMBALAN PENDAKWA RAYA  
No. Telefon : 013-3339158

**CADANGAN PENGARAH PENDAKWAAN NEGERI/AGENSI**

Setuju tiada rayuan difailkan.

**ULASAN KETUA UNIT RAYUAN**

LKK dimaklumi dan tahniah.

**CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN**

Nama :  
Jawatan :  
No. Telefon :

**ULASAN KETUA UNIT RAYUAN**

Nama :  
Jawatan :

**ULASAN/KEPUTUSAN TIMB KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN**

Nama :  
Jawatan :

**KEPUTUSAN KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN**

Nama :  
Jawatan :

**TUTUP FAIL**

Memenuhi KPI : MEMENUHI KPI

Memihak Kepada :

Keputusan : TIDAK RAYU

Tarikh Rayuan Difailkan :

Catatan :

Tarikh :

,



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA  
(ATTORNEY GENERALS CHAMBERS, MALAYSIA)  
NO. 45, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA